

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' DR. NORAINI AHMAD**  
**[ PARIT SULONG ]**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bentuk kajian yang telah dilakukan oleh Kementerian dalam memastikan komuniti luar bandar dapat meraih manfaat daripada IR 4.0 dan jurang pembangunan infrastruktur IT antara kawasan bandar dengan luar bandar dapat dikecilkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) belum ada menjalankan kajian khusus berkaitan peluang manfaat IR 4.0 kepada komuniti luar bandar yang mana ia juga akan dapat mengecilkan jurang IT antara komuniti bandar dan luar bandar. Walaubagaimana pun, perkara ini telah diambilkira dan dimasukkan dalam Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2019.

2. Penekanan berkenaan persediaan mendepani IR 4.0 diperincikan di bawah Teras 3 Modal Insan yang memfokus kepada pembangunan modal insan luar bandar berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan industri. Perkara ini turut disentuh dalam Teras 4 Prasarana yang memberi tumpuan kepada pembangunan prasarana bagi menyokong penyediaan capaian internet berkelajuan tinggi dan kebolehcapaian yang lebih baik.